

16 OCT 2003

SAMY VELLU MAHU TERUS KHIDMAT KEPADA MIC SELAGI DIPERLUKAN

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini berkata beliau akan terus memimpin parti itu selagi khidmatnya masih diperlukan oleh ahli-ahli MIC.

"Hak untuk memilih terletak dalam tangan anggota MIC," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas bahawa pemimpin-pemimpin veteran Barisan Nasional (BN) seharusnya memberi laluan kepada muka-muka baru pada pilihan raya umum akan datang.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata beliau telah dipilih tanpa bertanding pada 8 Mac yang lalu dan akan terus memimpin MIC selagi khidmatnya diperlukan.

MIC telah dan sedang melatih barisan pelapis untuk mengambil alih kepimpinan MIC bila tiba masanya, katanya.

"Apa jua keputusan yang diambil terletak dalam tangan ahli-ahli parti," kata beliau lagi.

Mengenai kedudukan beliau dalam kerajaan (Kabinet), beliau berkata itu adalah hak Perdana Menteri untuk menentukan.

-- BERNAMA

YBK SSA PR